

# Malaysia pilih industri ganti getah

JITRA, Jumaat — Malaysia tidak lagi berminat mengeluarkan getah kerana harganya rendah menyebabkan kerajaan tidak berupaya mengawal harga komoditi itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, kerajaan memberi tumpuan membangunkan sektor perindustrian sebagai ganti kerana ia terbukti memberi lebih banyak pulangan.

Menurutnya, setiap 0.4 hektar tanah yang ditanam dengan padi atau getah hanya berupaya menampung seorang pekerja, tetapi kilang yang dibina di tanah seluas itu boleh menyediakan peluang pekerjaan kepada 100 hingga 200 pekerja.

"Selain getah, kerajaan mungkin memindahkan tanaman kelapa sawit ke Indonesia kerana kos tenaga buruh di negara jiran itu lebih murah.

"Kita tidak lagi berminat menanam getah kerana terpaksa menggunakan tanah luas tetapi harganya turun dan kita tidak boleh kawal.

"Kita tidak boleh menaikkan harganya kerana ia mengikut harga pasaran dan permintaan. Justeru itu, kita akan bina lebih banyak tapak perindustrian kerana tanah yang digunakan memberi lebih banyak pulangan," katanya ketika mengu- lung perbahasan di persidangan perwakilan khas Umno bahagian Kubang Pasu, di Dewan Jitra hari ini.

Dr Mahathir yang juga Ketua Bahagian Umno Kubang Pasu berkata, pelaksanaan memindahkan tanaman getah dan kelapa sawit ke Indonesia akan dilaksanakan mengikut rancangan kerjasama Pertumbuhan Segi Tiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMTGT).

Beliau juga berkata, kerajaan akan terus membangunkan Bukit Kayu Hitam dan Sintok yang bersempadan dengan Thailand.